

 UNIT
12

KESTABILAN DAN KEKUATAN



INFO RINGKAS

Kestabilan Objek dan Binaan

- 1 Kestabilan objek dan binaan ialah keupayaan objek dan binaan untuk kekal atau kembali ke kedudukan asal objek dan binaan tersebut.
- 2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kestabilan objek dan binaan:
 - Ketinggian binaan dan objek
 - Luas tapak binaan dan objek

Kekuatan Objek dan Binaan

- 1 Kekuatan objek dan binaan ialah keupayaan objek dan binaan untuk menampung daya yang akan merosakkan atau menukarkan bentuk struktur objek dan binaan tersebut.
- 2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kekuatan objek dan binaan:
 - Jenis bahan binaan
 - Konkrit: Bahan yang sangat kuat, tidak terbakar, tidak berkarat dan tidak mereput
 - Besi: Logam yang kuat dan tahan lasak
 - Plastik: Bahan yang ringan dan mudah dibentuk
 - Kayu: Bahan yang teguh, keras dan mudah dipotong mengikut saiz
 - Bentuk struktur binaan
 - Struktur yang berbentuk kekuda, lengkungan dan kubah ialah bentuk struktur yang kuat

Kepentingan Binaan yang Kuat dan Stabil

- Binaan tidak mudah rosak
- Menjimatkan kos baik pulih
- Binaan selamat untuk digunakan
- Binaan dapat digunakan dalam tempoh yang lama